

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA

MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1975

PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR GAJI ATENDAN
MAKMAL DI LUAR KEMENTERIAN KESIHATAN

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan bahawa mulai dari 1hb Disember, 1974 struktur gaji Atendan Makmal di Luar Kementerian Kesihatan adalah disusun semula seperti berikut:

Tingkatan Biasa : \$115 × 5-125 / 130 × 5-145 /
150 × 5-160.

Tingkatan Khas : \$220 × 10-240 / 250 × 10-260.

Tingkatan Tertinggi : \$270 × 10-300.

Dengan penyusunan semula struktur gaji ini maka tanggagaji jawatan-jawatan berkenaan adalah seperti di bawah ini:

- I. (a) Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom
(b) Kementerian Pelajaran

Jawatan	Tanggagaji sekarang	Tanggagaji Baru mulai 1hb Disember, 1974
Tingkatan Biasa	\$115 × 5-125 / 130 × 5- 145 / 150 × 5-160	\$115 × 5-125 / 130 × 5- 145 / 150 × 5-160
Tingkatan Khas	\$220 × 10-240 / 250 × 10-260	\$220 × 10-240 / 250 × 10-260
Tingkatan Tertinggi	\$200 × 10-240	\$270 × 10-300

II. Jabatan Kimia

Tingkatan Biasa	\$115 × 5-125 / 130 × 5- 145 / 150 × 5-160	\$115 × 5-125 / 130 × 5- 145 / 150 × 5-160
Tingkatan Khas	\$170 × 10-200	\$220 × 10-240 / 250 × 10-260
Tingkatan Tertinggi	—	\$270 × 10-300

Pemindahan Gaji

Sifir pemindahan gaji adalah seperti di Lampiran "A" dan "B" kepada Pekeliling ini.

Tarikh Kenaikan Gaji

Tarikh kenaikan gaji adalah tidak berubah kecuali dalam kes di mana dua atau lebih matagaji atas tanggagaji sekarang berpindah kepada satu matagaji atas tanggagaji baru. Dalam kes yang demikian tarikh kenaikan gaji adalah diubah menurut Lampiran "C" dan "D".

DATO' ABDULLAH BIN MOHD. SALLEH,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR,
22hb Januari, 1975.